RAMADAN, 1402 ● 35 SEN KDN 0028/82

'PERTAHAN 5 NILAI'

Ingatan Datuk Musa kepada umat Islam

KUALA LUMPUR, Jumaat — Datuk Musa Hitam malam ini menggariskan lima perkara penting yang wajib dipertahankan oleh umat Islam dalam menjamin perkembangan ummah keseluruhannya.

Kelima-lima perkara itu ialah Agama, Maruah, Keturunan atau Bangsa, Jiwa dan Harta.

Oleh ASARI HAJI IBRAHIM

Beliau berkata, keseluruhan ajaran Islam baik dari segi akidah, ibadat, akhlak dan struktur kemasyarakatannya adalah untuk mempertahankan kelima-lima perkara itu.

Katanya, untuk melindungi kelima-lima perkara itu, umat Islam memerlukan disiplin dan kesungguhan bekerja yang tinggi.

Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Dalam Negeri berkata demikian di majlis penutupan Musabaqah Membaca al-Quran Polis Di Raja Malaysia, di Pusat Latihan Polis, Jalan Gurney di sini.

Mengulas mengenai tema musabaqah kali ini, *Disiplin serta Kesungguhan Kerja Dalam Islam*, Datuk Musa mensifatkannya sebagai tepat kerana ia merupakan kunci kepada kejayaan setiap rakyat dan pembangunan negara.

Katanya, disiplin dan kesungguhan kerja melibatkan soal-soal keikhlasan diri kita dalam menunaikan setiap tugas dan tanggungjawab.

"Di samping berkait rapat dengan sifat-sifat dedikasi, toleransi, serta perpaduan, ia juga melibatkan semangat setiakawan yang jitu dan padu, serta semangat pengorbanan yang tidak berbelah bagi," ujarnya.

Dalam hubungan itu, Datuk Musa berbangga kerana negara mempunyai Pasukan Keselamatan iaitu Pasukan Polis dan Tentera yang berdisiplin tinggi.

"Adalah menjadi kenyataan, bila kita berusaha melindungi serta mempertahankan agama, maruah, keturunan, jiwa dan harta, kita mesti berdisiplin dan mempunyai kesungguhan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab kita," tambahnya.

Secara amnya, beliau berkata, tugas-tugas melindungi kelima-lima perkara penting itu adalah selaras dengan fungsi Pasukan Keselamatan yang dipertanggungjawabkan mempertahan dan memelihara kemerdekaan, kedaulatan, kewibawaan dan keselamatan negara.

"Apabila kita dapat menerima hakikat ini, maka tidak ada sebab lagi untuk kita menafikan bahawa disiplin di kalangan pasukan polis dan angkatan tentera tidak penting, kerana sesiapa sahaja yang menganggotai Pasukan Keselamatan adalah menjalankan tugas selaras dengan kehendak agama," jelasnya.

Tema musabaqah kali ini, kata Datuk Musa lagi, juga selaras dengan usaha dan cita-cita kerajaan mewujudkan barisan rakyat yang lebih bertata-tertib, bertanggungjawab dan lebih dedikasi di dalam setiap gerak dan tindakannya sehari-hari.

Beliau mengingatkan anggota pasukan keselamatan, bahawa sebarang kelonggaran disiplin di kalangan mereka akan dieksploitasi oleh musuh yang sentiasa berusaha memburuk, mencemar serta mempersendakan kewibawaan Pasukan Keselamatan dan kerajaan keseluruhannya.

Beliau sekali lagi menekankan, Islam menuntut disiplin dan kesungguhan kerja kerana kejayaan tidak datang menggolek tanpa usaha.

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia